

MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG

(www.mppp.gov.my)

TENDER

1. Tender adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan** dalam gred yang berkenaan yang dimiliki sepenuhnya oleh rakyat Malaysia dan masih dibenarkan untuk menyertai tender seperti berikut :-

PERKARA	KELAYAKAN
CADANGAN MENAIKTARAF DAN PEMBINAAN STADIUM BANDARAYA (FASA 2), LORONG KULIT, PULAU PINANG	CIDB Gred G7-B04 & CE21
TARIKH PENJELASAN TAPAK : 07 November 2014 (Jumaat), Jam 10.00 pagi [Pendaftaran : 9.30 – 10.00 Pagi]	
TEMPAT : Bilik Mesyuarat Utama, Stadium Bandaraya, Jalan Kulit, Pulau Pinang	
HARGA DOKUMEN : RM 1,100.00/senaskah	
TARIKH TUTUP : 01 Disember 2014 (Isnin), Jam 12:00 tengahari	

2. Kontraktor diwajibkan menghadiri penjelasan tapak sebelum membeli dokumen tender. Kontraktor yang tidak menghadiri penjelasan tapak atau hadir selepas masa pendaftaran tidak layak mengambil bahagian dalam tender ini. Wakil diwajibkan membawa surat kebenaran daripada syarikat untuk menyertai penjelasan tapak.
3. Syarikat perlu berdaftar dengan Sistem Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang terlebih dahulu melalui laman web ep.penang.gov.my untuk menyertai tender. Pembayaran untuk pembelian dokumen perlu dibuat secara 'on-line' selepas penjelasan tapak pada **7/11/2014**. Harga dokumen tender adalah RM1,100.00/senaskah. Dokumen tender boleh diambil di Kaunter Urusetia Tender, Jabatan Korporat, Tingkat 17, KOMTAR pada waktu pejabat [9.00 pagi – 4.00 petang] dengan mengemukakan resit pembelian dokumen tender tersebut sebagai bukti pembayaran.
4. Dokumen meja boleh dilihat di Kaunter Urusetia Tender, Jabatan Korporat, Tingkat 17, KOMTAR pada waktu pejabat. [9.00 pagi – 4.00 petang].
5. Dokumen tender yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di bersebelahan Kaunter Penerangan, MPPP, Tingkat 3, KOMTAR, Pulau Pinang sebelum jam **12.00 tengahari** pada tarikh tutup yang berkenaan. Pertimbangan tidak akan diberi kepada tender yang lewat diterima.
6. Syarikat yang menyertai tender adalah dibenarkan untuk menyaksikan pembukaan tender pada tarikh dan masa tutup yang ditetapkan. Pengumuman harga hanya akan dibaca bagi tender yang bersesuaian sahaja tertakluk kepada kebenaran/justifikasi Jawatankuasa Pembuka Tender.
7. Syarikat yang menyertai tender diwajibkan melengkapkan Surat Akuan Pembida.
8. Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) daripada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan hendaklah disertakan bersama dokumen tender.
9. Majlis tidak terikat untuk menerima tender yang paling terendah harganya atau sebarang tender.

SETIAUSAHA PERBANDARAN
MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG

Bertarikh: 31 Oktober 2014